

ARCA AGAMA BUDDHA PURBA SEMENANJUNG  
MALAYSIA: PENELITIAN IKONOGRAFI DAN KRONOLOGI  
serta ertiNYA

Nik Hassan Shuhaimi b. Nik Abd. Rahman

Ramai sejarawan melihat zaman pra-Melaka sebagai satu tahap dalam sejarah Malaysia yang masih diselimuti oleh kabut yang tebal<sup>1</sup>. Tetapi pandangan itu tidak menyakinkan sejarawan-sejarawan yang memahami disiplin arkeologi dan juga mereka yang pernah belajar sejarah pra-Melaka. Ini adalah kerana disiplin arkeologi dengan bantuan ilmu tunjangnya, seperti sains, antropologi dan seni halus telah berjaya mengenangkan data-data baharu yang boleh digunakan dalam pembinaan sejarah Malaysia pra-Melaka. Kajian terhadap tinggalan-tinggalan seni agama Buddha, Hindu dan Islam pra-Melaka telah memperkayakan pengetahuan tentang sejarah sosio-budaya dan politik masyarakat pra-Melaka itu. Data-data seni agama yang pernah dikaji terdiri dari monumen, arca dan batu nisan. Ahli-ahli arkeologi percaya bahawa tinggalan-tinggalan yang tidak bernyawa dan berlabel itu dapat menceritakan sejarahnya setelah dicungkil melalui kajian yang teliti.


Kertaskerja ini akan menghadkan perbincangan kepada seni agama Buddha dengan mengkhususkan kepada tinggalan arca agama itu. Pendekatan ini diambil memandangkan tinggalan arca agama Buddha itu dapat menyumbangkan maklumat-maklumat seperti hubungan di antara Malaysia dan Indonesia serta kawasan-kawasan lain di Asia Tenggara dan peranan agama dalam perajaan. Di samping itu pula tinggalan monumen yang besar dan menarik seperti Borobodur, Angkor Wat dan lain-lain itu tidak terdapat di Malaysia. Yang adapun adalah kecil-kecil semuanya.

Arca agama Buddha yang paling tua yang diketahui wujud di Malaysia pada masa ini adalah arca Buddha dari Tapak 16,

<sup>1</sup>Pandangan ini dapat dilihat dari tajuk-tajuk tulisan tentang sejarah Malaysia sebelum Melaka. Umpamanya, Paul Wheatley, *Impressions of the Malay Peninsula in ancient times*. Lihat juga Khoo Kay Kim, "Malaysian History: A Survey," dalam *Archaeological Excavation and Conservation, Bujang Valley Kedah, Malaysia, 1985*, p. 191; Nik Hassan Shuhaimi bin Nik Abdul Rahman, (ed.), *Kelantan Zaman Awal: Kajian Arkeologi dan Sejarah di Malaysia*, Kelantan, 1987, h. 1.

Lembah Bujang, Kedah. Arca yang dibuat daripada gangsa dan berdiri setinggi 21.6 sm dijumpai oleh Dorothy Wales semasa membuat penyelidikan di Tapak 16 di Lembah Bujang di awal tahun 1940-an<sup>2</sup>. Arca itu pada masa ini disimpan di muzium Raffles, Singapura<sup>3</sup>. Tangan kanan arca berada dalam keadaan *varadamudra* dan tangan kirinya sedang memegang *uttarasanga*. (Lihat gambar 1) yang tanpa kedut.

Teknik menggambarkan arca Buddha yang sedang berdiri memakai *uttarasanga* yang tidak berkedut mestilah dipengaruhi



Gambar 1. Arca Buddha dari Tapak 16A,  
Lembah Bujang.

<sup>2</sup>Jumpaan itu dilaporkan oleh Dorothy C. and H.G. Quaritch-Wales, "Further Work on Indian Sites in Malaya", *JMBRAS*, XXII, 1947, h. 1–11.

<sup>3</sup>Maklumat dari Muzium Negara.

oleh seni Gupta yang berkembang di Sarnath<sup>4</sup>. Tetapi arca Buddha yang memakai *uttarasanga* tidak berkedut dari aliran seni Gupta Sarnath menutup kedua-dua bahunya<sup>5</sup>. Arca Buddha memakai *uttarasanga* tidak berkedut dan tidak tutup bahu kanan terdapat di *candi-gua* di barat India seperti Ajanta dan Kanheri<sup>6</sup>. *Mudra* tangan kanan arca (Gambar 1) mengingatkan kita kepada *mudra* arca-arca di Sarnath, Ajanta dan Kanheri. Namun begitu cara arca ini berdiri sama dengan langgam Sarnath tetapi langgam itu jarang terdapat di Ajanta atau Kanheri<sup>7</sup>.

Gerak tangan *varadamudra* memang terkenal dalam seni Gupta dan post-Gupta<sup>8</sup>. Ikonografi sedemikian tersebar dari pengaruh Gupta ke kawasan-kawasan lain di India dan Asia Tenggara. Keadaan yang sama berlaku dalam hal langgam *uttarasanga* tidak berkedut yang berkembang dari Sarnath. Ini dapat dibuktikan dengan terjumpanya contoh-contoh arca Buddha sedemikian di Tamil Nadu, Selatan India, di Tuol Ta Hoy (Kampung Speu) di Kemboja dan juga di Jawa<sup>9</sup>. Tetapi langgam *uttarasanga* tidak berkedut disesuaikan dengan langgam *uttarasanga* tidak menutup lengan kanan telah dijadikan satu langgam tempatan. Langgam yang disesuaikan ini menunjukkan satu perkembangan baharu yang berkembang dari abad ke 6 Masihi yang mengganti *uttarasanga* yang berkedut. Maka langgam arca Buddha (Gambar 1) itu menunjukkan pengubahsuaian yang dibuat oleh ahli seni tempatan kepada langgam arca Buddha Sarnath.

Sebuah arca Buddha yang sedang berdiri (Gambar 2) dan memakai jubah (*uttarasanga*) yang menutupi keseluruhan badan dijumpai di sebuah lombong bijih timah di Pengkalen dekat dengan Ipoh, Perak pada tahun 1931<sup>10</sup>. Arca yang asal telah hilang semasa Perang Dunia Kedua dan yang ada hanya gambar. Ketinggian arca ini ialah 46 sm dan dibuat daripada gangsa.

<sup>4</sup> Lihat dalam J.C. Harle, *Gupta Sculpture*, Oxford, 1974 P1. 67–69. Nik Hassan Shuhaimi b. Nik Abdul Rahman, "Satu Nota Tentang Arca Buddha dari Pengkalen, Ipoh Perak", *JEBAT* 2(2), 1977 h. 35.

<sup>5</sup> Bandingkan dengan arca-arca Buddha dari Sarnath dalam J.C. Harle, *Gupta Sculpture*, . . . P1. 68–69.

<sup>6</sup> Lihat contoh dalam H. Zimmer, *The Art of Indian Asia*, Vol. II, Princeton, 1983, P1. 84, 156–157.

<sup>7</sup> Bandingkan dengan gambar-gambar dalam *Ibid.*

<sup>8</sup> *Ibid.*

<sup>9</sup> David Snellgrove, *The Image of the Buddha*, UNESCO, Japan, 1982 P1. 56–63, 71–74.

<sup>10</sup> H.G. Quaritch-Wales, *Archaeological Researches on Indian Colonization in Malaya*, *JMBRAS*, 18(1), 1940, P1. 79, h. 51.



Gambar 2. Arca Buddha dari Pengkalen, Perak.

Ciri yang menarik tentang arca ini ialah tentang langgam *uttarasanga* yang diasaskan kepada sejarah seni *Gandhara* iaitu *uttarasanga* menutup seluruh badan dengan infleksi *circumflex*. Di atas *uttarasanga* kelihatan calar-calar yang menggariskan tanda kedut. Arah garis itu adalah keterangan utama yang dapat dikaitkan dengan pengaruh *Gandhara*. Tetapi garisan ini tidak banyak seperti yang biasa terdapat pada *uttarasanga* arca Buddha langgam *Gandhara*<sup>11</sup>.

Beberapa ciri lain pada arca itu juga tidak dipengaruhi pada keseluruhananya oleh langgam *Gandhara*. Langgam rambut tidak seperti dalam langgam *Gandhara*, dan juga *uttarasanga* yang nipis jelas menunjuk bentuk badan yang menampakkan langgamnya itu lebih dekat kepada langgam Gupta yang berkembang di Sarnath<sup>12</sup>. Aspek-aspek lain pada arca menunjukkan yang

<sup>11</sup> H. Zimmer, *The Arts of Indian . . .*, P1. 34.

<sup>12</sup> David Snellgrove, *The Image . . .*, P1. 64.

ianya berbeza daripada apa yang terdapat pada langgam Sarnath. Kerinting rambut dengan kerinting yang besar-besar, *usnisa* yang rendah dengan biji di belakang adalah ciri-ciri utama pada arca langgam Amaravati dan Sri Lanka. *Urnanya* juga mengingatkan kepada arca langgam Amaravati<sup>13</sup>. Jelaslah iaitu langgam arca ini dipengaruhi oleh pelbagai langgam dan kemungkinan besar ianya dihasilkan di Malaysia sendiri pada abad ke 6 Masihi.

Arca ini berbeza dari langgam arca langgam Sarnath dalam dua aspek. Pertama ialah dalam aspek cara dipakai jubah. Paras kelim bawah arca Buddha Ghandara sama sahaja di bahagian depan dan belakang tetapi dalam arca "Sekolah Gupta" dan arca Pengkalen bahagian hadapan lebih tinggi. Begitu juga dengan bentuk badan di mana arca Ghandara lebih gemuk. Oleh itu dapat dikatakan bahawa arca ini sebahagian besar dari langgamnya ditiru dari langgam arca "Sekolah Gupta" di Mathura tetapi telah diubahsuai kepada beberapa pengaruh langgam lain<sup>14</sup>.

Selain dari arca Buddha (Gambar 2) dari Pengkalen Perak terdapat beberapa buah arca agama Buddha lagi yang dipercayai berasal dari Lembah Kinta. Maklumat tentang arca-arca itu dilaporkan di dalam beberapa penerbitan. Evans telah melaporkan bahawa sebuah singgahsana gangsa untuk arca agama Buddha yang berukuran 8 1/2" dijumpai di Pengkalen<sup>15</sup>. Berasaskan kepada langgam singgahsana itu, Quaritch-Wales telah mentarikhkan kepada tidak lebih dari abad 6 Masihi. Setelah diteliti gambar singgahsana itu dan melihat dari aspek perkembangan singgahsana arca-arca Buddha di Asia Tenggara maka kemungkinannya jangkaan tarikh itu dapat diterima.

Dalam tahun 1908, Wright dalam bukunya *Twentieth Century Impressions of British Malaya* telah menerbitkan sekeping gambar arca Buddha sedang berdiri dibuat dari gangsa (Gambar 3). Arca itu dilaporkan telah dijumpai di dalam sebuah lombong bijih timah tertanam sedalam 60 kaki dalam tanah. Keadaan kulit arca itu telah terhakis dan ini menimbulkan masalah untuk menentukan sama ada di jubah arca itu terdapat tanda-tanda lipatan atau tidak. Sekali imbas langgam arca itu adalah seperti langgam arca Buddha (Gambar 1). Langgam itu dipercayai dipengaruhi oleh

<sup>13</sup> *Ibid.*, P1. 94, 97, 98.

<sup>14</sup> *Ibid.*, P1. 56-58.

<sup>15</sup> H.G. Quaritch-Wales "Archaeological researches . . ." h. 50 melaporkan tulisan I.H.N. Evans dalam *Journal of the Federated Malay State Museums*, 15(3), P1. XLIV.



Gambar 3. Arca Buddha dari Lembah Kinta,  
Perak.

langgam Gupta sekolah Sarnath iaitu arca itu memakai jubah tanpa tanda lipatan. Tetapi seperti juga arca (Gambar 1), arca ini memakai jubah yang menampakkan bahu sebelah kanan.

Oleh kerana ciri-ciri yang lain seperti keadaan *urna*, rambut dan *usnisa* tidak dapat dipastikan maka kemungkinannya arca ini dibuat pada abad ke 6 Masihi selewat-lewatnya. Langgam arca ditiru dari langgam Gupta tetapi dibuat dirantau ini.

Sebuah lagi arca agama Buddha yang dijumpai di Lembah Kinta ialah arca Avalokitesvara yang dijumpai di lombong bijih timah Hup Hin Kongsi dekat Sungai Siput<sup>16</sup>. Arca itu dibuat daripada gangsa dan dijumpai di dalam tanah lebih kurang 20 kaki dalam pada tahun 1908. Ianya dijumpai bersama-sama sebuah takar berisi alat-alat perhiasan yang dibuat daripada emas. Tinggi arca itu 11 inci dan gambarnya diperolehi oleh Muzium Perak tetapi pemilik sebenar arca itu tidak diketahui.

---

<sup>16</sup> *Ibid.*, h. 50-51.

Arca Avalokitesvara itu memiliki empat tangan. Tangan kanan yang teratas memegang *aksamala* dan yang di bawah dalam keadaan *varadamudra*. Sementara tangan kiri yang teratas memegang *kalasa* dan yang terbawah memegang *padma*. *Jatamukutanya* melambang langgam Pallava dan secara tidak langsung dapat ditarikhkan kepada abad 7 Masihi.

Arca Avalokitesvara yang mana gambarnya diterbitkan oleh Quaritch-Wales juga dijumpai di Lembah Kinta dan dari lombong bijih timah yang sama<sup>17</sup>. Arca itu sedang duduk di atas singgahsana yang dibuat daripada gangsa. Arca itu telah dipakaikan dengan lilitan bunga kerana penyimpan arca itu salah tanggapan iaitu ianya dikatakan sebagai arca seorang dewa Hindu, dewa Visnu.

Namun demikian dewa itu sebenarnya dewa Avalokitesvara yang bertangan lapan. Antara simbol ikonografi yang dipegang oleh dewa itu ialah *aksamala*, *ghana* (penala?), *kartri* (pisau), *danda* (tongkat), *kalasa* dan *padma*. Melihat kepada langgam *mukutanya* maka dipercayai ianya dihasilkan dalam abad ke 8 atau 9 Masihi iaitu langgam sekolah Pala tetapi buatan tempatan.

Antara arca agama Buddha yang paling menarik dijumpai di Malaysia adalah arca Avalokitesvara memakai samping kulit harimau (Gambar 4)<sup>18</sup>. Arca itu dijumpai di Bidor, Perak iaitu di kawasan Lembah Kinta. Penggunaan simbol ikonografi kulit harimau itu meletakkan arca itu ke dalam satu kumpulan arca Avalokitesvara yang mempunyai kedudukan yang unik dan penting. Ini adalah kerana ianya ada kaitan dengan perkembangan seni agama dalam sejarah Empayar Srivijaya.


Arca Avalokitesvara yang menggunakan simbol seumpama itu tidak dijumpai di India. Namun demikian arca jenis ini dijumpai di kawasan-kawasan yang dipercayai ada kaitan dengan Empayar Srivijaya. Tempat-tempat yang dijumpai arca-arca itu ialah Palembang, Jawa, Satingphra, Chaiya dan Tibet.

Simbol kulit harimau sekiranya terdapat di arca Avalokitesvara dengan enam atau lapan tangan mengesahkan bahawa arca-arca itu adalah jenis Am'ogapasa Avalokitesvara. Pada pendapat A. Getty, Amogapasa adalah Avalokitesvara bentuk Tantrik yang boleh dilengkap dengan simbol ikonografi kulit harimau<sup>19</sup>. Walaupun kult Avalokitesvara sangat digemari oleh pengikut

<sup>17</sup> *Ibid.*, h. 50-51.

<sup>18</sup> *Ibid.*, h. 51.

<sup>19</sup> A. Getty, *The Gods of Northern Buddhism*, Oxford, 1914, h. 63; Nik Hassan Shuhaimi b. Nik Abd. Rahman "The Significance of Tiger Skin on the Avalokitesvara Image", *Malaysia in History*, 20(1), 1977, h. 24.



Gambar 4. Arca Avalokitesvara dari Lembah Kinta, Perak.

agama Buddha tetapi Amogapasa dari kawasan-kawasan yang ada hubungan dengan Empayar Srivijaya sahaja yang mempunyai simbol ikonografi itu.

Hubungan antara Srivijaya dan Jawa dapat dilihat melalui hubungan kekeluargaan pemerintah iaitu dinasti Sailendra<sup>20</sup>. Tibet pula mempunyai hubungan dengan Srivijaya kerana Atisa yang membawa pembaruan kepada agama Buddha di Tibet pernah menuntut di Srivijaya pada abad ke 11 Masihi<sup>21</sup>.

Adalah menjadi kenyataan iaitu melalui kajian terhadap perkembangan arca-arca Avalokitesvara di kawasan-kawasan Srivijaya, Jawa dan Tibet itu didapati bahawa idea-idea untuk mengguna simbol ikonografi itu bermula di rantau kawasan Srivijaya. Seterusnya ia berkembang ke tempat-tempat lain.

<sup>20</sup>Tentang hubungan kekeluargaan itu sila lihat dalam Wolters, *Early-Indonesia Commerce*, New York, 1967, h. 23.

<sup>21</sup>Nilakanta Sastri. *History of Srivijaya*, Madras, 1949, h. 147.

Di Srivijaya simbol itu tidak diguna untuk arca-arca Avalokitesvara yang mempunyai enam dan lapan tangan sahaja tetapi juga kepada yang mempunyai dua dan empat tangan<sup>22</sup>. Keadaan sedemikian memungkin kita untuk membuat andaian iaitu amalan penggunaan simbol itu bukan berpandu kepada peraturan dalam *sadhana* tetapi juga diubah suai mengikut kepercayaan tempatan. Mungkin juga ada kaitannya dengan penggunaan simbol seumpama itu di arca-arca Siva yang memakai simbol kulit harimau<sup>23</sup>. Arca-arca Siva sedemikian dipercayai dapat dihubungkaitkan dengan kult yang melihat arca-arca dewa itu sebagai potret raja.

Idea untuk menggunakan arca-arca dewa sebagai arca kult sesuatu dewa dan juga potret raja sangat disukai di rantau Asia Tenggara di zaman-zaman agama Hindu dan Buddha menjadi anutan masyarakat. Kebanyakan arca-arca agama Hindu dan Buddha di Jawa sebelum kedatangan Islam melambangkan dua peranan itu. Contoh yang paling terkenal ialah arca Siva di bilik utama di Candi Lara Djonggarang di Prambanan<sup>24</sup>. Arca itu memakai kulit harimau.

Idea untuk mencipta arca potret dan mengidentifikasinya dengan satu-satu dewa seperti dewa Amogapasa Avalokitesvara kemungkinan besar berkembang agak awal di kawasan Srivijaya. Pada abad ke tujuh Masihi idea itu terdapat di Palembang dan pada abad ke 8 idea itu juga berkembang di Selatan Thailand dan di Jawa<sup>25</sup>. Arca Amogapasa Avalokitesvara dari Bidor itu mungkin dapat ditarikh kepada abad ke 9 Masihi.

Memang terdapat keterangan bertulis tentang *kepopularan* idea ini. Professor Wolters yang meneliti *Sejarah Melayu* khususnya bab-bab awal tentang raja-raja sebelum Kesultanan Melaka seperti Sri Tri Buana, Raja di Palembang, dikenalpasti sebagai raja yang menjelma dari dewa Avalokitesvara<sup>26</sup>. *Sejarah Melayu* selain dari menyusungalurkan keturunan raja-raja Melaka juga membesar-besarkan tradisi-tradisi yang diamal di zaman Srivijaya. Antara amalan itu ialah mengidentifikasikan raja sebagai pen-

<sup>22</sup> Lihat gambar arca-arca itu dalam Nik Hassan Shuhaimi Nik Abd. Rahman "Art, archaeology and the Early Kingdoms in Sumatra and Malay Peninsula, 5th–14th century A.D.". Ph. D. tesis Universiti London 1984 dan "The significance of . . ." h. 25, 29 dan 30.

<sup>23</sup> *Ibid.*, Pl. 30.

<sup>24</sup> Bernert Kempers, *Ancient Indonesian Art*, Amsterdam, 1959, Pl. 157.

<sup>25</sup> Lihat nota 22.

<sup>26</sup> O.W. Wolters, *The Fall of Srivijaya in the Malay History*, Kuala Lumpur, h. 170, 129.

jelmaan dewa Avalokitesvara. Ingatan orang-orang Melayu tentang hal itu dihidupkan oleh *Sejarah Melayu*. Bukit Seguntang di Palembang itu dilihat sebagai Gunung Potala tempat bersemayam dewa-dewa Avalokitesvara.

Kepada mereka yang percayakan kepada kesinambungan, dan perubahan dalam sejarah kebudayaan orang-orang Melayu, arca Amogapasa Avalokitesvara dapat menggambarkan sesuatu. Sekiranya diteliti evolusi pakaian dan perhiasan pada arca dewa itu maka dapat dilihat iaitu kulit harimau itu bertukar menjadi kain samping, dan hiasan di kepala dewa itu melahirkan berbagai jenis tengkolok yang dapat dilihat berkembang dalam beberapa ratus tahun. Begitu juga dengan selendang yang dipakai oleh raja dan pembesar mungkin berkembang dari selendang dari kulit pelanduk yang dipakaikan di arca Avalokitesvara. Barang-barang perhiasan pada arca Avalokitesvara dijadi hiasan untuk raja dan orang-orang besar.


Pada arca Avalokitesvara, di tahap awal, kulit harimau dipakai atas kain sarung (*dhoti*). Tetapi kulit harimau itu bertukar menjadi samping di arca Bhairava dari Padang Rotjo, Sungai Langsat di Sumatra<sup>27</sup>. Bhairava agama Buddha berkait dengan dewa Avalokitesvara dan Bhairava dari Sungai Langsat itu adalah potret Raja Adityavarman, raja Melayu pada abad ke 14. Arca Bhairava itu ada kaitan dengan arca Amogapasa Avalokitesvara dari Rambahahan, Sumatra. Berdasarkan kepada inskripsi di batu pelapik, arca itu dibuat untuk putera raja Jawa yang berkahwin dengan puteri raja Sumatra. Raja Adityavarman adalah dari keturunan putera dan puteri itu. Di pelapik itu terdapat pula simbol *saptaratnani* atau tujuh *jewels* seorang *cakravartin*.<sup>28</sup> Ini mengingatkan kita kenyataan Professor Wolters yang mengatakan bahawa Sri Tri Buana selain dari lambang dewa Avalokitesvara juga seorang *cakravatin*. Maka dewa Amogapasa Avalokitesvara sama ada memakai simbol kulit harimau atau tidak di Asia Tenggara adalah berkait rapat dengan konsep raja sebagai inkarnasi dewa.

Tapak 21 dan 22 di Kampung Pengkalan Bujang telah menghasilkan beberapa buah arca agama Buddha setelah ianya digali-cari dalam tahun 1976. Kesemua arca-arca itu dibuat daripada tanah kecuali sebuah yang dibuat daripada gangsa. Arca-arca itu kecil kesemuanya dan yang dibuat daripada tanah iaitu tiga buah kesemuanya adalah arca Buddha. Oleh kerana keadaan

<sup>27</sup> Lihat Nik Hassan Shuhaimi bin Nik Abdul Rahman, "The significance of . . .", h. 30.

<sup>28</sup> Bernert Kempers, *op. cit.*, P1. 260, h. 87.

arca-arca itu yang telah rosak maka agak susah hendak menentukan umurnya. Berdasarkan kepada langgam sebuah daripada arca-arca Buddha yang sedang duduk (gambar 5) maka dapat dinyatakan bahawa langgamnya mirip kepada langgam zaman Cola pada abad ke 10 atau awal abad ke 11 Masihi.



Gambar 5. Arca Buddha sedang duduk, Pengkalan Bujang, Kedah.

Bukti utama yang membolehkan kita mengatakan langgamnya langgam Cola adalah berdasarkan kepada penelitian terhadap bentuk muka, telinga, rambut, usnisa, dan selendang arca itu. Langgamnya boleh dibandingkan dengan arca-arca Buddha zaman Cola dari Negapatam, India Selatan<sup>29</sup>. Perbandingan juga boleh dibuat dengan arca Buddha yang dijumpai di Kota China yang ditarikhkan kepada zaman yang sama. Tarikh arca itu dapat diperteguhkan lagi apabila dibanding dengan tarikh monumen Tapak 21/22 itu. Berdasarkan kepada tembikar import dari

<sup>29</sup> Bandingkan dengan arca Cola dalam Satyawati Sulayman, *Sculptures of Ancient Sumatra*, Pusat Penelitian Arkeologi Nasional, Indonesia, 1989, Pl.

negeri China (zaman Tang) dan tembikar dari Iraq-Iran yang dijumpai dari lapisan terkebawah sekali di tapak itu maka monumen Buddha itu ditarikhkan kepada abad ke 10 Masihi. Monumen itu juga ditakrifkan sebagai monumen Buddhis kerana bentuknya yang berbeza dari monumen Hindu berbentuk *Vimana-mandapa* di Lembah Bujang itu.

Keseragaman langgam antara beberapa kawasan di *pelabuhan-negeri* yang bersempadan dengan Selat Melaka di abad ke 10 dan awal abad ke 11 itu menunjukkan betapa kuatnya hubungan politik, perdagangan dan budaya di antara kawasan-kawasan itu dengan India Selatan. Ini mengingatkan kita tentang peristiwa serangan Raja Rajendra Cola pada 1020-an Masihi berdasarkan inskripsi Tanjore<sup>30</sup>.

Langgam yang dipengaruhi oleh India Selatan dapat dilihat lagi pada arca gangsa *bodhisattva* yang sedang berdiri (Gambar 6). Dewa ini mungkin Avalokitesvara berdasarkan kepada *padma*



Gambar 6. Arca gangsa dewa, Bodhisattva yang sedang berdiri

<sup>30</sup> Nilakanta Sastri, *History of Srivijaya*, h. 80.

yang dipegang di tangan kirinya. Simbol *ikonografi* lain pada arca itu tidak dapat dipastikan kerana teknik dan mutu pembuatannya agak rendah. Tetapi apabila diteliti arca itu secara menyeluruh, termasuk cara kain diikat dan dihias, maka identiti dan langgam arca itu boleh dikenalpasti. Arca ini juga dipercayai dapat ditarikhkan kepada abad ke 10 Masihi.

Arca Avalokitesvara sedang duduk yang dibuat dari tanah liat (Gambar 7) tidak dapat dipastikan pengaruh langgamnya yang sebenar kerana saiznya terlalu kecil. Ini mengingatkan kita kepada beberapa buah arca agama Buddha dibuat dari tanah liat yang dijumpai di Gua Kurong Batang di Perlis<sup>31</sup>. Arca-arca itu dikelaskan sebagai *Mahayana Votive Tablets* juga diterima sebagai hasil ciptaan ahli-ahli seni agama Buddha tempatan pada abad ke 9 atau 10 Masihi. Tarikh itu diberi setelah dibandingkan dengan tarikh-tarikh arca-arca jenis itu oleh Coedes yang dijumpai di beberapa tempat di Selatan Thailand<sup>32</sup>. Kemungkinan juga arca dari Kampung Pengkalan Bujang itu mempunyai tarikh yang sama memandangkan arca-arca yang lain dari Tapak 21/22 itu mempunyai langgam Cola abad ke 10/11 itu.



Gambar 7. Arca Avalokitesvara dari Lembah Bujang, Kedah.

<sup>31</sup> Lihat Alastair Lamb, Gua Bertapa Di Perlis, dim. *Tanah Melayu dari segi Sejarah*, Nombor 3, 1964, h. 31–36.

<sup>32</sup> George Coedes, "Siamese Votive Tablets", *Journal of Siam Society*, XX, 1926, h. 1–23 fig. 6.

Di kawasan Kampung Sungai Mas dalam daerah Kuala Muda dijumpai beberapa tinggalan agama Buddha. Antaranya ialah inskripsi dan arca. Dr. Jan Wisseman Christie, orang pertama membaca inkripsi Sungai Mas berpendapat iaitu ianya dalam bahasa Sanskrit. Pendapat ini disahkan oleh Professor Claude Jacques dari *Ecole Pratique des Hautes Etudes*, Sorbonne. Oleh kerana terdapat beberapa bahagian yang hilang, maka bacaan yang paling dekat adalah:

ajanac-ciylate karumma janmanah kara (nam)  
jnana-na ciylate ka (rmma) karmma-bhava  
(u-na) jayate

Transkripsi itu dapat diterjemahkan dengan berpandu kepada buku J.G. de Casparis, *Prasasti Indonesia II* seperti berikut:

“From ignorance acts accumulate, of birth,  
acts are the cause. From knowledge no  
acts accumulate, through absence of acts  
they are not reborn”<sup>33</sup>

Berasaskan pendapat H. Kern, J.L.A. Brandes dan N.J. Krom tentang skrip-skrip di Jawa, skrip-skrip yang sedemikian yang dijumpai di Jawa dapat ditarikhkan kepada abad ke 5 Masihi.


Antara arca-arca agama Buddha yang dijumpai di Sungai Mas itu ialah arca Hariti (Gambar 8). Arca ini dibuat dari tanah liat. Ianya dalam keadaan berdiri mendokong seorang bayi. Tinggi arca itu ialah 22.5 sm. Oleh kerana saiznya yang kecil dan mutu pembuatannya tidak baik maka susah hendak dikesan jenis pakai-an dan hiasan. Secara kasar dapat dikatakan iaitu *mukuta* dan *dhotinya* itu ada persamaan dengan langgam arca-arca zaman Dvaravati di negeri Thailand<sup>34</sup>. Dari segi ikonografi arca ini mengingatkan kita tentang arca Hariti dalam buku A. Foucher yang mana dikatakan arca itu disimpan di Muzium Peshwar, India<sup>35</sup>. Arca itu sedang mendokong seorang bayi seperti arca Hariti Sungai Mas. Cara diletak bayi dalam arca Sungai Mas berbeza dengan cara untuk arca-arca Hariti yang terdapat di Jawa seperti di Candi Mendut<sup>36</sup>. Cara yang terdapat pada arca Sungai Mas itu tidak terdapat di tempat-tempat lain di Asia Tenggara.

<sup>33</sup> J.G. de Casparis, *Prasasti Indonesia II*, Bandung 1956. h. 140, 113, 114 dan 123.

<sup>34</sup> Bandingkan dengan gambar-gambar dalam P. Dupont, *Archeologique mone de Dvaravati*, Paris, 1959.

<sup>35</sup> A Foucher, “Les debuts de l’art bouddhique” *Journal Asiatique*, 1911.

<sup>36</sup> Bernert Kempers, *Ancient Indonesian Art*, Pl. 57.



Gambar 8. Arca Hariti Sungai Mas.

Oleh kerana umur arca Hariti dari Peshwar itu lebih tua dari arca dari Candi Mendut maka arca Hariti Sungai Mas adalah lebih tua dari arca Hariti Candi Mendut. Berapa lama lebih tua itu tidak dapat dipastikan dengan tepat. Namun demikian berdasarkan kepada langgamnya yang hampir dengan arca dari Muzium Peshwar dan dengan arca-arca dari zaman Dvaravati maka kemungkinan besar ianya dicipta oleh ahli seni agama tempatan pada abad ke 6 atau 7 Masihi.

Pemujaan terhadap dewi Hariti amat terkenal di kalangan masyarakat di India dan Asia Tenggara di zaman perkembangan agama Buddha. Arca-arcanya terkenal di India, Nepal, China dan Jawa. Mengikut R.S. Gupta, I Ching pernah melihat tempat pemujaan dewi Hariti dalam vihara-vihara di utara India<sup>37</sup>. Ianya dikatakan sebagai dewi yang dapat melindungi manusia daripada penyakit taun selain daripada hubungan dewi itu dengan konsep peridi.

Setelah meneliti dan mengkaji arca-arca agama Buddha purba dari beberapa tempat di Semenanjung Malaysia maka beberapa kesimpulan dapat dibuat. Yang pertama, arca-arca itu dapat dikumpulkan kepada zaman di antara abad ke 5 dan 11 Masihi. Walaupun arca-arca itu dihasilkan di Malaysia namun dapat di-

kesan langgam-langgam dari India di arca-arca tersebut. Kesan langgam India itu mencerminkan hubungan antara Malaysia dengan India. Hubungan itu lahir akibat daripada perdagangan untuk memenuhi keperluan berbagai pihak di zaman-zaman tertentu.

Kesimpulan kedua yang dapat dikemukakan ialah tentang siapakah dewa yang paling dipujai selain dari Buddha sendiri. Dari kajian itu didapati bahawa bodhisattva yang utama ialah Avalokitesvara. Hal ini dikaitkan dengan amalan sistem perajaan yang mana pemerintah atau raja itu dipercayai sebagai lambang inkarnasi dewa itu.

Di samping itu pula kajian itu menunjukkan kawasan-kawasan seperti Lembah Bujang dan Lembah Kinta merupakan kawasan yang penting dalam sejarah Malaysia dari abad ke 5 sehingga abad ke 11 Masihi. Di Lembah Bujang itu wujud *pelabuhan-kerajaan* Chieh-cha atau Kataha atau Kadaram atau Kidaram dan di Lembah Kinta juga wujud kerajaan tetapi namanya kita tidak ketahui. Namun perkembangan agama di kedua-dua kawasan itu berkait rapat dengan perkembangan di tempat-tempat lain seperti Sumatra dan Selatan Thailand. Kemungkinannya kaitan yang rapat berlaku atau terjalin kerana perkembangan yang berlaku di Srivijaya pada abad ke 7 sampai ke abad 11 Masihi di waktu mana dikatakan Srivijaya itu mengamalkan agama Buddha Mahayana.